

→ TRAGEDIAM ←

Jeritan lenyap dalam api marak

➔ Orang ramai gagal menyelamatkan tiga beradik terperangkap

Oleh Abdul Rahemang Taiming dan Nasrawati Syarifuddin
cnews@nstp.com.my

► Semporna

Tiga beradik berumur tiga hingga lima tahun ditemui rentung, apabila rumah mereka di rumah kongsi THS Collecting Centre, Kilometer 20 Jalan Semporna di Kampung Pegagau, dekat sini, musnah dalam kebakaran malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.40 malam itu, ketiga-tiga mangsa dipercayai terperangkap dalam rumah terbabit dan tidak sempat diselamatkan berikutan api marak terlalu pantas.

Ketiga-tiga mangsa yang rentung ialah pasangan kembar, Harmasius Roman @ Abdullah dan Fonsalina, masing-masing berusia lima tahun serta adik lelaki mereka, Amsalinus, 4.

Temui mangsa di bilik tidur
Semua mangsa ditemui rentung di dalam sebuah bilik tidur di rumah berkenaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Semporna, Fazizul Hizam Borhan, berkata bomba berusaha memadamkan kebakaran dan cuba menyelamatkan mangsa tetapi gagal.

Sementara itu, seorang saksi yang hanya mahu dikenali sebagai Ari, 28, berkata penduduk tidak sempat menyelamatkan tiga ber-



Anggota bomba memeriksa lokasi kejadian di rumah kongsi THS Collecting Centre, Kilometer 20 Jalan Semporna di Kampung Pegagau, dekat Semporna, kelmarin.

adik itu kerana api marak dengan cepat.

Beliau adalah antara penduduk yang berusaha membantu menyelamatkan tiga beradik terperangkap dalam kebakaran itu.

Ari berkata, ketika kejadian dia berada di rumahnya sebelum terdapat api bermula di ruang tamu hadapan rumah mangsa dan kemudian merebak ke bahagian bilik serta dapur.

"Saya dengar jeritan mereka meminta tolong. Orang ramai juga cuba menyelamatkan tiga beradik itu, namun tidak dapat berbuat apa-apa kerana api semakin marak. Jeritan suara kemudian lenyap perlahan-lahan," katanya.

Ari berkata, tidak lama selepas itu, ibu mangsa tiba di rumah dan

cuba meredah api demi menyelamatkan tiga anaknya, namun dihalang penduduk kampung.

Ibu cuba panggil mangsa

"Ibu mangsa beberapa kali panggilan dan meraung memanggil nama anak-anaknya, namun tiada jawapan. Haiwan peliharaan keluarga itu, termasuk beberapa ekor ayam kampung dan kucing turut rentung," katanya.

Sementara itu, bapa saudara mangsa, Donjuan Inaman, 50, terkejut dengan kejadian yang meragut nyawa tiga anak saudaranya itu sekelip mata, namun reda dengan apa yang berlaku.

"Kali terakhir berjumpa anak saudara kembar ketika saya mengambil mereka pulang dari Ta-

dika KEMAS Kampung Mentertip, pada Khamis lalu.

"Mereka sangat rapat dengan saya dan suka bergurau. Memang menjadi kebiasaan saya menghantar dan mengambil mereka pulang dari tadika," katanya.

Jenazah tiga beradik itu akan dikuburkan di Kampung Mentertip, sebaik proses bedah siasat selesai dijalankan.

Guru Tadika KEMAS Kampung Mentertip, Rozaida Karani, 24, pula berkata walaupun pasangan kembar itu agak pendiam dalam kelas, mereka kanak-kanak yang aktif.

"Kedua-duanya juga cepat belajar dan sudah kenal nombor serta huruf. Kejadian ini amat mengejutkan dan kami sangat berse-dih," katanya.

Nampak laluan turun bukit selepas dua kali azan



20 lelaki yang tersesat ketika mendaki bukit Batu Caves di Gombak, malam kelmarin, diberi bantuan selepas diselamatkan.

Gombak: "Dua kali kami melaukan azan sebelum nampak laluan untuk turun kerana keadaan gelap serta licin," kata Mohd Izzwan Wahid, seorang daripada 20 lelaki yang tersesat ketika mendaki bukit Batu Caves di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam, kumpulan penduduk kampung berhampiran kawasan itu mendaki bukit berkenaan untuk memasang bendera sebuah parti politik di puncaknya, tetapi tidak dapat turun.

Mohd Izzwan, 22, berkata mereka yang diketuai seorang warga emas berusia 70 tahun, mendaki bukit berkenaan mulai jam 9.30 pagi, sebelum tiba di puncak kira-kira jam 5 petang.

"Sebaik tiba di puncak, kami mula memasang bendera hingga selesai kira-kira jam 7 malam. Namun, ketika menuruni bukit, hujan lebat menyebabkan laluan licin dan hari sudah gelap.

"Tambah memburukkan keadaan apabila lampu suluh yang

dibawa kehabisan bateri, menyebabkan kami terpaksa bergerak secara perlahan dalam kegelapan," katanya ketika ditemui di Kampung Gombak Indah di sini, semalam.

Tidak nampak laluan turun

Mohd Izzwan yang juga seorang peniaga berkata, kesukaran mengenali laluan untuk menuruni bukit itu menyebabkan seorang rakannya melaukan azan.

"Rakan saya, Mohd Ashraf, 24, melaukan azan dua kali ketika kami terpaksa berhenti. Sebaik azan dilaungkan, kami boleh melihat laluan turun dengan jelas, namun tidak mampu menuruni bukit kerana ada yang sudah lemah dan kehabisan tenaga, sebelum kami menghubungi bomba," katanya.

Beliau berkata, sepanjang perjalanan menuruni bukit, mereka terpaksa memapah warga emas yang juga ketua kumpulan terbabit kerana terjatuh beberapa kali aki-

bat laluan licin.

"Seorang rakan cedera di kaki dan paha kanan ketika menahan-nya daripada terjatuh.

"Kami sering mendaki bukit terbabit, namun ini adalah kali pertama berdepan situasi mencabar itu," katanya.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu jam 10.01 malam.

Katanya, seramai 14 anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Selayang dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Kami turut mendapatkan bantuan dari BBP Kepong dan Gombak bagi membantu membawa turun 20 mangsa yang berusia antara 20 hingga 70 tahun.

"Mereka semua terjaya dibawa turun jam 12.30 tengah malam tadi. Ketika dibawa turun, mereka dalam keadaan lemah kerana kehilangan tenaga," katanya.